

10 OCT 1997

Mahathir-Yahudi

RINGGIT: ADA AGENDA TERSENDIRI PADA YAHUDI, MAHATHIR

KUALA TERENGGANU, 10 Okt (BERNAMA) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan mengesyaki ada agenda tersendiri pada golongan Yahudi yang tidak suka melihat orang Islam maju.

Dr Mahahtir berkata kerajaan tidak menuduh Yahudi melakukan serangan spekulatif terhadap ringgit Malaysia tetapi pada hakikatnya orang yang membuatnya adalah orang Yahudi kerana secara kebetulannya pembiaya antarabangsa George Soros adalah Yahudi.

"Dan secara kebetulan pula kita terdiri daripada orang Islam, dan orang Yahudi tidak seronok melihat orang Islam maju," katanya semasa berucap pada majlis "Sambutan Sokongan Pemimpin Dan Rakyat Terengganu" di Lapangan Terbang Sultan Mahmud di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata kalau dilihat di Palestin, orang Yahudi menyamun apa sahaja kepunyaan orang Palestin tetapi di Malaysia mereka tidak boleh membuat begitu, oleh itu "inilah (menjatuhkan ringgit) yang dia buat."

"Kita mungkin syak kerana ada satu-satu agenda pada mereka (Yahudi) tetapi kita tak nak dakwa," katanya.

Beliau berkata bukan sahaja Malaysia yang menghadapinya tetapi Indonesia yang merupakan sebuah negara Islam terbesar di dunia, juga menjadi mangsanya, kata beliau.

Bagaimanapun Perdana Menteri berkata negara boleh menghadapi masalah ini jika semua lapisan masyarakatnya bersatu-padu dan berdisiplin untuk menanganinya.

Dr Mahahtir berkata sebelum ini banyak negara menjadi mangsa "penyamun mata wang ini tetapi bila kita membangkang mereka kata ini merupakan pasaran bebas.

"Kalau pasaran bebas, takkan kita boleh samun dalam pasar...kalau hendak beli, belilah dengan harga berpatutan. Sebab itu kita marah dan kita tegur mereka," katanya.

Menurutnya, jika ini dikatakan pasaran bebas, kenapa sebelum ini mereka sudah samun duit Mexico, Brazil, Argentina, Poland dan negara lain lagi.

Beliau bertanya sama ada tamadun dunia yang akan datang sanggup mempertahankan "penjenayah" seperti itu sedangkan negara miskin bertambah miskin kerana perbuatan mereka.

Perdana Menteri mengulangi kenyataannya bahawa kerajaan mempunyai cara tersendiri untuk mengatasi masalah ini tetapi belum tiba masanya untuk dilaksanakan dan meminta rakyat berdiri teguh di belakang kerajaan dalam menghadapi masalah ini.

Dr Mahathir juga berkata dalam akhbar mereka (barat) juga mencadangkan kepimpinan negara ditukar dengan melantik Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim menjadi penggantinya.

"Mereka bukannya sayangkan timbalan saya, tetapi untuk menjatuhkan saya," katanya.

Dr Mahathir berkata sekalipun Anwar menggantikannya, berkemungkinan Anwar juga akan menghadapi masalah yang sama yang dihadapinya kerana golongan itu tidak senang dengan kejayaan negara sekarang.

Beliau berkata komplot seperti ini telah beliau lihat sendiri semasa membuat ucapan di Hong Kong dahulu, mereka menekan dengan menurunkan ringgit negara.

"Begitu juga apabila saya bercakap di Santiago, Chile dalam lawatan saya ke negara itu, mereka sekali lagi menekan dengan menjatuhkan ringgit Malaysia supaya menutup mulut daripada bercakap," katanya.

Dr Mahathir berkata Malaysia bebas bercakap kerana mempunyai pentadbiran yang bebas dan tidak bergantung kepada mana-mana pihak sekalipun.

Beliau menegaskan kebebasan bercakap Malaysia bukan sahaja untuk kepentingan negara ini, tetapi juga mempertahankan hak negara-negara membangun lain yang tidak dapat meluahkan masalah mereka.

Mereka (negara-negara membangun) tidak dapat bercakap kerana takut negara maju akan menyerang mereka kerana pentadbirannya bergantung kepada negara asing itu, katanya.

Bagaimanapun negara-negara itu tetap menyokong Malaysia walaupun tidak bebas bercakap.

Perdana Menteri yakin bahawa berkat sokongan seluruh rakyat, segala masalah yang dihadapi negara akan dapat ditangani dengan baik.

"Alhamdulillah, ini semua berkat perjuangan kita yang dapat mentadbir negara sendiri mengikut kehendak dan keperluan kita...selama 40 tahun kita bekerja keras hadapi pelbagai masalah termasuk rusuhan kaum dan sebagainya tetapi kita dapat mendirikan sebuah negara industri.

"Sesungguhnya sokongan rakyat ini amat memberi semangat kepada saya untuk berhadapan dengan begitu ramai yang menentang dan mengecam segala tindakan yang kita ambil," katanya.

Dr Mahathir juga merakamkan ucapan terima kasih kepada rakyat yang menyatakan sokongan mereka terhadap kepimpinan beliau dan kerajaan. --  
BERNAMA

SBS RON